

CNS0888

U GB 07-03 00142 BH089

aab

Mahathir - Perniagaan

SERDANG, 7 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata para peniaga makanan di Malaysia perlu mengamalkan sistem franchise dan menjalankan kempen-kempen promosi seperti yang dibuat oleh syarikat-syarikat makanan segera bertaraf antarabangsa bagi memajukan industri itu.

Perdana Menteri berkata para peniaga makanan harus mengubah sikap daripada cara lama mereka dan menerima cadangan yang disarankan oleh kajian-kajian ilmiah.

Katanya beliau dukacita kerana kebanyakan rakyat Malaysia, termasuk para peniaga makanan, enggan mengikut dan menerima hasil kajian-kajian itu.

+Ramai daripada kita tidak suka tukar daripada cara lama. Kalau kita tidak tukar, kita sendiri yang akan ketinggalan dan rugi,+ katanya pada persidangan akhbar selepas melawat ibu pejabat MARDI di sini.

Katanya, hasil-hasil penyelidikan banyak terdapat di negara ini tetapi penggunaan hasil-hasil berkenaan adalah tidak menggalakkan. -- Lagi

♥07/03/15-03MST

aab

Mahathir - Perniagaan 2 Serdang

Tujuan Datuk Seri Dr Mahathir melawat ibu pejabat MARDI, antara lain, ialah membolehkan beliau melihat sendiri pelaksanaan satu konsep baru pengendalian gerai oleh agensi berkenaan di mana makanan-makanan segera yang digemari rakyat Malaysia seperti mi, laksa dan nasi beriani ditempatkan di satu unit gerai bercantum.

Makanan-makanan itu tidak dimasak di gerai berkenaan, sebaliknya cuma disajikan kepada pelanggan. Konsep itu, yang dicipta atas ilham Perdana Menteri sendiri, bertujuan menyediakan gerai mudah diurus dan lebih bersih.

Sambil mengambil contoh makanan segera +Macdonalds+, Datuk Seri Dr Mahathir berkata makanan-makanan yang terdapat di setiap restoran itu tidak memerlukan tukang masak yang cekap untuk menyediakannya.

Rasa makanannya turut terjamin kerana dibuat dengan resipi yang sama dan kos pengurusannya pula adalah rendah, kata beliau.

Perdana Menteri berkata para peniaga makanan perlu memikirkan pengeluaran makanan secara besar-besaran dengan teknik pemasaran yang lebih moden sesuai dengan permintaan makanan yang kini meningkat.

Katanya, para peniaga di sini boleh mengamalkan konsep +dapur berpusat+ di mana makanan disediakan di dapur berkenaan dan diniagakan di gerai-gerai cawangan. -- Lagi

♥07/03/15-14MST

âab

### Mahathir - Perniagaan 3 Serdang

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata perkara yang paling penting dalam perniagaan makanan ialah kebersihannya.

Menjawab soalan mengenai rungutan bahawa Pulau Pinang semakin kotor, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan negeri akan diarahkan mengambil tindakan tegas untuk menjamin kebersihan pulau itu.

Katanya, kerajaan negeri perlu berani mengambil langkah-langkah tidak popular supaya Pulau Pinang menjadi bersih dan terus menjadi tempat tumpuan pelancong.

Menurut Perdana Menteri, parti-parti pembangkang di Pulau Pinang sering mempolitikkan pelbagai isu di negeri itu, termasuk tindakan untuk menjaga kebersihan.

Mengenai Mardi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau bangga dan kagum dengan hasil-hasil penyelidikan yang dijalankan oleh agensi itu bagi memajukan sektor pertanian.

Beliau berharap segala hasil penyelidikan itu akan digunakan sepenuhnya oleh agensi-agensi yang terlibat dalam pertanian.

Perdana Menteri telah meluangkan masa lebih empat jam melawat dan mendengar taklimat daripada pelbagai bahagian Mardi, termasuk pusat bioteknologi, Bahagian Teknologi Makanan dan Bilik Pameran.

Bagi Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah \$152 juta akan disediakan bagi kerja-kerja penyelidikan. -- Bernama

♥07/03/15-39MST